

UMP perkenal program **MyGift** sebagai saluran sumbangan endowmen universiti



Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan program *MyGift* sebagai satu usaha mengumpul sumbangan daripada mana-mana pihak bagi menyalurkan sumbangan endowmen bagi tujuan tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar mahupun membudayakan semangat membantu bagi golongan yang memerlukan.

Sembilan jenis endowmen atau tabungan yang dilaksanakan adalah Endowmen Kursi, Endowmen Biasiswa Pelajar, Endowmen Makmal/Kemudahan, Tabung Ramadan, Tabung Masjid, Tabung Bencana, Tabung Wakaf, Tabung Komuniti dan Tabung Tidak Patuh Syariah.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program *MyGift* ini diperkenalkan sebagai kemudahan kepada warga kampus dan alumni serta pihak luar terutamanya daripada industri mahupun syarikat untuk sama-sama menyumbang kepada tabung endowmen.

"Sebagai contoh Endowmen Kursi merupakan dana atau derma dari mana-mana pertubuhan atau yayasan sukarela untuk penubuhan Kursi Kecemerlangan di universiti seperti dalam menjalankan aktiviti seperti wacana ilmiah, akademik, penyelidikan, penerbitan dan perkongsian ilmu serta pembinaan kapasiti," katanya yang hadir menyaksikan portal *MyGift* yang boleh diakses orang ramai dalam laman sesawang UMP pada 22 Jun 2015 yang lalu di UMP Kampus Gambang.

Bagi universiti yang memiliki banyak dana boleh mengadakan pelbagai aktiviti di seluruh dunia seperti penyelidikan, membayar gaji profesor ternama dan menawarkan biasiswa kepada pelajar

cemerlang sehingga menjadikannya terkenal dan maju.

Begitu juga dengan Endowmen Biasiswa Pelajar diwujudkan bagi membantu para mahasiswa yang menghadapi masalah kewangan semasa pengajian di peringkat universiti.

Di samping itu juga, dana ini turut dapat menyokong para pelajar yang cemerlang dalam pelajaran untuk menyambung pelajaran yang lebih tinggi di UMP serta memberi peluang kepada para pelajar untuk mengikuti program-program keilmuan di luar negara yang memerlukan kos yang tinggi.

Tambah beliau, Endowmen Makmal ataupun Kemudahan pula diwujudkan bagi mengumpul dana daripada pihak industri yang berminat untuk menaja makmal atau aktiviti yang berkaitan di makmal-makmal tertentu.

Ujar beliau, syarikat-syarikat korporat yang berminat boleh memilih untuk menaja mana-mana makmal yang disenaraikan untuk ditaja bagi memacu penyelidikan di UMP. Makmal yang ditaja pula boleh dinamakan dengan nama individu atau syarikat korporat yang terlibat bagi menghargai peranan dan sumbangannya bergantung kepada jumlah peruntukan yang diberikan.

Sementara itu, seluruh warga universiti meliputi staf, mahasiswa, alumni, individu dan syarikat korporat yang berhasrat untuk menyumbang dalam Tabung Ramadan turut digalakkan yang dijalankan dalam bulan Ramadan untuk mengumpul dana sumbangan bagi menaja aktiviti terbuka puasa kepada pelajar-pelajar UMP yang kurang berkemampuan.

Tabung Masjid pula mengumpulkan pelbagai sumbangan dalam bentuk wang

ringgit ataupun peralatan bagi membantu pelbagai aktiviti dan pembangunan Masjid UMP serta lain-lain masjid yang memerlukan. Penderma mempunyai pilihan untuk menyumbang ke dalam tabung masjid UMP secara terus atau secara atas talian.

Lain-lain adalah Tabung Bencana untuk membantu mangsa-mangsa yang menghadapi bencana seperti bencana banjir, kebakaran atau kemusnahan harta benda disebabkan malapetaka; Tabung Wakaf yang ditujukan kepada individu atau syarikat korporat yang sudi menyumbangkan peralatan, kemudahan, kenderaan, dan tunai bagi tujuan wakaf.

UMP turut memperkenalkan Tabung Komuniti yang berperanan dalam memasyarakatkan universiti. Pelbagai program yang direka khusus untuk merapatkan jurang di antara masyarakat dan komuniti universiti. Ia juga untuk menyokong program-program yang melibatkan universiti, komuniti dan industri.

Manakala Tabung Sumbangan Tidak Patuh Syariah pula memberi kemudahan kepada orang ramai dalam menyalurkan sumbangan daripada hasil faedah yang diperolehi daripada wang simpanan yang dibuat oleh institusi Islam ataupun perniagaan ataupun badan kebajikan untuk masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas, dan seumpamanya.

UMP mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak termasuk warga UMP, pelajar, alumni dan individu serta badan-badan korporat sama ada di dalam mahu pun luar negara dalam menyokong pembedayaan menderma demi memakmurkan ilmu pendidikan di UMP ini.